

14 SEP 1996

SUKOM

KOMPLEKS SUKOM DIBINA IKUT JADUAL

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Pembinaan kompleks-kompleks sukan di seluruh negara bagi Sukan Komanwel 1998 berjalan mengikut jadual, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin hari ini.

Beliau berkata kesemua stadium dan stadium tertutup dijangka siap mengikut jadual atau siap lebih awal.

Ini termasuk Stadium Hoki, Stadium Tertutup, Kompleks Renang, Stadium Utama dan Perkampungan Sukan, kesemuanya di Bukit Jalil dekat sini, katanya selepas melawat Kompleks Sukan Bukit Jalil.

Pembinaan lapangan sasaran tembak di Langkawi juga berjalan mengikut jadual manakala tender bagi Kompleks Skuasy akan dikeluarkan bulan depan dan pembinaannya dijangka siap Mac 1997.

Beliau juga berkata kementerian bercadang untuk membina skulptur keris di jalan masuk ke Stadium Utama berikutan terdapatnya laluan yang akan menghubungkan Kompleks Sukan Bukit Jalil dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Muhyiddin berkata beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan tambahan untuk membina mercu tanda keris setinggi 26 meter itu.

Katanya beliau akan terus mengawasi perkembangan pelaksanaan pembinaan kemudahan-kemudahan sukan itu walaupun ia berjalan lancar kerana tempoh sekarang sehingga 1998 merupakan tempoh kritikal bagi memastikan kelicinan persiapan.

Segala aspek teknikal dan sumber manusia yang melibatkan dua kontraktor utama iaitu United Engineers Malaysia (UEM) dan Sukan Komanwel 1998 (Sukom) akan diselaraskan oleh kementerian, katanya.

Katanya, kemudahan pengangkutan dan masalah lalulintas juga akan diberi perhatian.

Muhyiddin berkata Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan akan dipelawa bersama-sama dengan Sukom dan Angkatan Tentera Malaysia dalam merancang persembahan bagi pembukaan sukan itu nanti bagi menerapkan nilai-nilai kebudayaan.

Kerajaan masih belum menyiapkan konsep persembahan tetapi ia akan mempunyai ciri-ciri kebudayaan dan berteraskan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh negara ini, katanya.

-- BERNAMA

JM AHH